

# perubahan sosek krn konversi tnh pertanian di BSD

*by Nn Nn*

---

**Submission date:** 11-Sep-2019 11:28AM (UTC+0700)

**Submission ID:** 1170638269

**File name:** 17886-50808-1-SM.pdf (371.4K)

**Word count:** 7516

**Character count:** 46497



## Perubahan prestasi sosio-ekonomi komuniti asal akibat pertukaran gunatanah pertanian kepada Bandar Baru Bumi Serpong Damai, Tangerang, Banten, Indonesia

Ratnawati Yuni Suryandari<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Ratnawati Yuni Suryandari (email: nratnawati@yahoo.com)

### Abstrak

Pada masa sekarang ini, perkembangan bandar-bandar di Jawa telah membawa kepada wujudnya fenomena kawasan pinggiran bandar mengalami pertukaran gunatanah pertanian kepada kawasan industri dan bandar-bandar baru. Kertas ini menghuraikan kesan sosio-ekonomi penduduk daripada pertukaran gunatanah pertanian kepada projek Bandar Baru Bumi Serpong Damai (BSD) di Tangerang, Banten, Indonesia, berdasarkan kajian yang dilakukan pada tahun 2004-2005 yang melibatkan 256 ketua keluarga penduduk yang masih kekal di kampung asalnya dan 61 ketua keluarga penduduk yang berhijrah dari kampung asal. Hasil kajian menunjukkan bahawa pada keseluruhannya, bagi kedua-dua kategori penduduk asal yang kekal dan yang berhijrah, prestasi aspek-aspek sosio-ekonomi yang meningkat dan yang tetap baik adalah lebih rendah (42.6%) berbanding dengan prestasi aspek-aspek sosio-ekonomi yang tetap rendah dan yangerosot (57.4%). Oleh itu pertukaran gunatanah pertanian kepada Bandar Baru BSD pada umumnya didapati tidak membawa peningkatan taraf dan kualiti hidup kepada sebahagian besar penduduk asal. Implikasinya ialah faedah terbesar daripada pembangunan bandar secara kapitalis ini diraih oleh golongan pemodal dan golongan kelas menengah. Ianya kurang memanfaatkan penghuni asal kawasan yang merupakan golongan marhaen atau pengeluar kecil. Justru pembangunan Bandar Baru BSD dapat dikatakan kurang sesuai dan kurang utuh sebagai model pembangunan di Indonesia kerana sifatnya yang ternyata amat kurang mesra penduduk asal.

**Katakunci:** bandar baru, *disenfranchisement*, komuniti asal, kualiti hidup, pertukaran gunatanah pertanian, prestasi sosio-ekonomi

### Socio-economic transformation of original communities following the conversion of agricultural land to the new town of Bandar Baru Bumi Serpong Damai, Tangerang, Banten, Indonesia

### Abstract

Recently, cities in Java were experiencing the process of internal reconstruction both socio-economically and physically whereby at the urban fringes, the agricultural land was converted into new towns and industrial centres. The objective of this paper is to describe the socio-economic consequences of the original populace who were directly affected by the conversion of their agricultural land into the Bumi Serpong Damai (BSD) New Town, Tangerang, Banten, Indonesia based on the findings of a field study conducted in 2004-2005 involving 256 heads of households who remained residing in their original villages and 61 heads of households who had migrated from their native villages. The study found that overall, the scores for improved and favourable socio-economic consequences (42.6%) were lower than those of the deteriorating and unfavourable consequences (57.4%) for both original villagers who stayed and those who had migrated.

In conclusion, the conversion of agricultural land into urban uses in the study area had not enhanced the quality of life and living standards of most of the original populace of that area. By implication, the biggest benefit of the conversion of the original agricultural land-use into the capitalist city development went to the capitalist investors and the new middle class entrants. In contrast, this development had largely disenfranchised the original inhabitants who were little more than simple proletariats and small producers. As such, the BSD New Town is not an ideal nor appropriate development model for Indonesia as it has proved to be least local friendly.

**Keyword:** agricultural land use conversion, disenfranchisement, new town, original community, quality of life, socio-economic performance

## Pengenalan

Pertukaran gunatanah pertanian ialah suatu proses yang disengaja oleh manusia (anthropogenic), bukan suatu proses semulajadi. Ianya merujuk kepada kegiatan-kegiatan manusia untuk mengubah tanah pertanian menjadi tanah bukan-pertanian seperti tanah untuk perumahan dan industri. Secara amnya, pertukaran gunatanah pertanian disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi daripada sektor bukan-pertanian seperti sektor industri dan perkhidmatan serta perkembangan penduduk bandar yang pesat.

Pada masa sekarang ini separuh penduduk dunia tinggal di kawasan bandaraya (Buringh & Dudal, 1987) di mana sebahagian besar daripada bandar-bandar tersebut berada di kawasan tanah pertanian yang sangat subur (Pacione, 1990). Tentunya ekoran logik daripada fenomena ini ialah bertukarnya tanah pertanian kepada tanah bukan-pertanian terutamanya untuk perkembangan bandar.

Hari ini pertukaran gunatanah pertanian kepada gunatanah bukan-pertanian bolehlah dikatakan sudah menjadi suatu fenomena, dalam erti kata ianya sudah begitu lumrah berlaku dan dilakukan di merata tempat, kawasan, negara dan rantau di dunia ini dan diterima serta diiktirafi umumnya sebagai suatu fasa yang cukup wajar dalam proses pembangunan dan pemodenan sesebuah negara dan masyarakat.

Bagaimanapun, barangkali kadar pertukaran terpesat gunatanah pertanian kepada bukan-pertanian di dunia kini dapat dilihat di kalangan negara-negara pertumbuhan atau pembangunan pesat di Asia Timur dan Asia Tenggara seperti Korea Selatan, Taiwan, Malaysia, Thailand, Philipina dan Indonesia.

Di Indonesia, kawasan pertanian yang sering menjadi mangsa pertukaran gunatanah bukan-pertanian ialah kawasan tanah sawah yang subur dengan saliran pengairan yang baik kerana kawasan tersebut biasanya telah dilengkapi kemudahan jalan yang baik (Anwar & Pakpahan, 1990). Pertukaran tanah pertanian subur di Indonesia selama periode 1991-1993 mencapai 106 424.3 hektar atau lebih kurang 53 000 hektar per tahun yang masing-masing membentuk 54.0 peratus, 16.0 peratus dan 4.9 peratus bagi petempatan, industri dan kawasan pejabat. Daripada kelulusan tanah pertanian yang tertukar tersebut, 51 peratus terjadi di Pulau Jawa.

Pulau Jawa merupakan kawasan yang mengalami pertukaran gunatanah pertanian kepada penggunaan industri dan bandar dengan kadar pertumbuhan terpesat. Dalam tempoh di antara tahun 1981 hingga 1986 dijangka bahawa pertukaran tanah sawah di Pulau Jawa lebih kurang 37 300 hektar per tahun, sedangkan 16 500 hektar atau 44.23 peratus mengalami pertukaran kepada perumahan, industri dan infrastruktur. Dalam tempoh di antara 1983 hingga 1994 tanah sawah di Pulau Jawa berkurangan menjadi 104 581 hektar yang sebahagian besar atau 35.58 peratus berlangsung di kawasan Pantai Utara Jawa (Kustiwan, 1997).

Perkembangan bandar-bandar di Jawa pada masa sekarang ini dicirikan dengan proses restrukturisasi dalam, sama ada secara sosio-ekonomi maupun fizikal. Salah satu ciri yang menonjol dalam proses ini adalah seperti yang sedang berlaku di kawasan Jakarta, Bogor, Tangerang dan Bekasi (Jabotabek), iaitu pertukaran fungsi Bandaraya Jakarta daripada pusat industri pembuatan kepada pusat kegiatan perkhidmatan, termasuk kewangan (finance), sementara itu kegiatan industri pembuatan berpindah ke arah pinggiran bandaraya iaitu Bogor, Tangerang dan Bekasi (Botabek). Secara fizikal proses restrukturisasi ditandai dengan perubahan penggunaan tanah, sama ada di bandar utama maupun di pinggiran bandarnya. Kawasan pusat bandar

mengalami pertukaran gunatanah yang sangat intensif daripada kawasan tempat tinggal kepada kawasan bisnes, pejabat, perhotelan dan sebagainya. Di lain pihak, di kawasan pinggiran bandar terjadi pertukaran penggunaan tanah sangat besar daripada tanah pertanian subur kepada kawasan industri dan petempatan skala besar (bandar-bandar baru) (Firman, 1996).

Pada tahun 1960-an pertumbuhan penduduk di kawasan Jakarta, Bogor, Tangerang, Bekasi (Jabotabek) adalah 2.5 peratus setiap tahun atau setara dengan 2.74 juta orang. Pada tahun 1996 kadar pertumbuhan penduduk Jabotabek sebesar 3.03 peratus per tahun atau setara dengan 19 juta orang. Penduduk Botabek pada tahun 1980-an sebanyak 5.2 juta orang dan mengalami peningkatan yang pesat sebesar 13.6 juta orang pada tahun 2000 (Bappeda Kabupaten Tangerang 2000). Pada tahun 2015 bilangan penduduk di kawasan Jabotabek dijangka akan mencapai 27.7 juta orang, di mana hampir separuhnya merupakan penduduk Botabek (Tjahjati, 1995).

Secara nasional kadar pertumbuhan mahupun kepadatan penduduk di kawasan Jabotabek ialah yang paling tinggi di Indonesia (Rustiadi, 2003) yang disebabkan oleh penghijrahan penduduk yang sangat tinggi dari kawasan lain ke dalam kawasan Jabotabek kerana tertarik oleh kawasan petempatan baru yang banyak dibina di kawasan Botabek serta peluang pekerjaan dalam sektor industri (Firman 1998). Pertumbuhan penduduk yang tinggi ini mempunyai implikasi kepada kawasan pinggiran bandar yang mempunyai kesan positif mahupun negatif pada pelbagai aspek ekonomi, sosial, budaya, persekitaran dan keselamatan (Tjahjati, 1995).

Pertumbuhan petempatan yang tidak terkawal di Bandaraya Jakarta dan kawasan pinggiran bandar Botabek telah memberikan beberapa kesan negatif iaitu pertumbuhan petempatan haram mula tidak terkawal, kemerosotan fasiliti bandar sehingga bahaya penyakit mula meningkat, pencemaran persekitaran semakin meningkat, pengutuban (polarisasi) masyarakat mula meningkat oleh sebab perbezaan kemampuan bagi memperolehi perkhidmatan dan asas ekonomi bandar yang semakin berkurang (PT BSD, 1985).

Ketidakmampuan dalam mengurus kawasan Bandaraya Jakarta telah menyebabkan pembangunan di kawasan bandar tidak berkesan. Sememangnya penyediaan infrastruktur sangat diperlukan, namun ianya memerlukan pelaburan yang besar. Keadaan inilah mula memunculkan gagasan untuk menggubal suatu bandar baru.

#### *Isu pertukaran gunatanah pertanian*

Pemaju projek Bandar Baru BSD pada tahun 1985 mula melaksanakan pembinaan Bandar Baru BSD di Kabupaten Tangerang (20 km di sebelah Barat Jakarta). Walau bagaimanapun, proses perolehan tanahnya sudah bermula pada tahun 1980-an. Jumlah keluasan *izin lokasi* projek Bandar Baru BSD lebih kurang 6 000 hektar yang terdiri daripada 22 desa yang berselerak di Kecamatan Serpong, Legok, Pagedangan dan Cisauk. Pada masa sebelum dibina Bandar Baru BSD, purata kepadatan penduduk adalah 11 orang/hektar dan terdapat lebih kurang 11 000 ketua keluarga yang tinggal di kawasan tersebut dengan pekerjaan utama sebagai petani (PT BSD, 1985). Sebahagian besar kawasan yang akan dibina Bandar Baru BSD merupakan tanah pertanian yang berpengeluaran rendah. Hal ini boleh wujud kerana infrastruktur pengairan tidak tersedia di kawasan berkenaan. Jenis-jenis penggunaan tanah pertanian di kawasan tersebut meliputi sawah tadaan hujan, ladang dan kebun.

Pertukaran gunatanah pertanian telah berlaku di Bandar Baru BSD kerana memerlukan tanah dalam jumlah besar dan telah melibatkan tanah pertanian milik penduduk tempatan. Kajian yang pernah dilakukan oleh Diamar (1996) mengenai pembangunan perumahan skala besar di kawasan Jabotabek termasuknya Bandar Baru BSD mengatakan bahawa telah terjadi pengagihan peningkatan nilai tanah yang kurang adil antara penduduk asal dengan pihak-pihak yang terlibat pertukaran gunatanah pertanian. Harga beli tanah daripada penduduk asal berbanding dengan harga jual tanah yang telah siap dibina (tanah matang) oleh pemaju sering dipandang terlalu rendah. Sementara itu keuntungan daripada tanah yang diterima pemaju sering disebut terlalu besar. Wang daripada menjual tanah tidak dapat lagi untuk membeli tanah dengan kualiti lokasi yang sama. Penduduk asal juga tidak lagi mempunyai peluang mempunyai tanah yang luas sehingga secara gradual kedudukan mereka berubah, iaitu daripada petani pemilik menjadi petani pawah, buruh tani, penganggur atau pindah ke pekerjaan lain seperti yang dilaporkan Todaro (1985). Hayami dan Kikuchi (1981) mengatakan bahawa proses pertukaran gunatanah pertanian kepada industri dan perumahan dijangka boleh menimbulkan keadaan tidak stabil dalam usaha pertanian yang

merupakan sumber pendapatan petani. Keadaan yang tidak stabil tersebut selanjutnya dapat mempengaruhi pola pekerjaan petani, dan pada akhirnya mengubah tata nilai, tradisi dan struktur sosial penduduk berkenaan.

Pembangunan Bandar Baru BSD telah merubah agihan struktur pemilikan tanah, dan ini mempunyai implikasi selanjutnya kepada struktur pertanian, struktur sosial dan masyarakat di kawasan berkenaan seperti yang dilaporkan oleh Rustiadi (2003). Pembangunan Bandar Baru BSD juga telah menyebabkan petani terkeluar daripada sektor pertanian yang selama ini menjadi sektor asas bagi kehidupan mereka. Pertukaran gunatanah pertanian kepada Bandar Baru BSD menyebabkan isi rumah petani meninggalkan pekerjaan sebagai petani dan mencari peluang pekerjaan yang sesuai dengan kehidupan bandar.

Pembangunan Bandar Baru BSD sememangnya telah mampu meningkatkan perekonomian kawasan, namun apakah pembangunan Bandar Baru BSD dapat meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk asal? Apakah program pembangunan bandar baru telah menyebabkan peminggiran dan pemiskinan penduduk asal? Apakah Bandar Baru BSD memanfaatkan penduduk asal berkenaan? Boleh jadi pada masa sebelum pertukaran gunatanah pertanian mereka adalah pemilik tanah pertanian yang mempunyai modal usaha tani dan status yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai tanah di desa. Namun selepas kehadiran Bandar Baru BSD apakah mereka menjadi golongan berpendapatan rendah di kawasan hijrah mahupun di bekas desa yang sekarang ini telah bertukar kepada bandar baru tersebut? Dari beberapa permasalahan ini, maka pernyataan permasalahan kajian yang dapat disimpulkan adalah bagaimanakah corak identiti ekonomi dan sosial penduduk asal selepas pertukaran gunatanah pertanian kepada Bandar Baru BSD?

Artikel ini bertujuan untuk (1) Menjelaskan corak perubahan prestasi sosio-ekonomi penduduk asal akibat pertukaran gunatanah pertanian kepada Bandar Baru BSD dan (2) Memeriksa kesesuaian Bandar Baru BSD sebagai model pembangunan daripada perspektif penduduk asal.

### Data, kaedah dan kawasan kajian

Kajian yang dilakukan merupakan kajian dampak sosial akibat pertukaran gunatanah pertanian kepada Bandar Baru BSD. Secara umum dampak sosial merupakan perubahan-perubahan dalam keadaan hidup atau kehidupan manusia hasil daripada sesuatu dasar baru atau program atau projek baru yang dilakukan baik oleh kerajaan, semi kerajaan atau bukan kerajaan yang melibatkan perubahan sama ada secara langsung atau tidak langsung (Moha Asri Abdullah *et al.*, 2003) sehingga terbentuk ciri-ciri sosial baru sama ada lebih baik atau kurang baik daripada keadaan asal (Abdullah Mohd Said, 2003).

Pengenalpastian kesan-kesan sosial boleh dibuat melalui satu senarai kriteria atau petunjuk atau indikator seperti mutu hidup atau cara hidup yang pastinya sudah berbeza sebelum dengan selepas sesuatu projek, program atau polisi dilaksanakan. Dalam meneliti dan menilai perubahan-perubahan yang berlaku ke atas kesan tersebut, kajian berbentuk sosio-ekonomi perlu dilakukan. Ini bererti bahawa keluarga atau individu yang terlibat hasil dari projek ini sama ada di dalam kawasan atau sekitarnya perlu disoal selidik (Moha Asri Abdullah *et al.*, 2003). Dengan menganalisis perubahan-perubahan yang berlaku kepada indikator-indikator di antara dua masa dapat mengenal pasti kesan-kesan atau dampak akibat dari projek-projek yang terlibat. Perbezaan-perbezaan dalam indikator-indikator di antara dua masa dikatakan sebagai perubahan atau kesan dari projek tersebut. Perubahan-perubahan itu mungkin positif dan mungkin juga negatif. Kesan-kesan positif adalah yang paling diperlukan dan yang negatif perlu dicegah dan ditukarkan kepada kesan-kesan yang positif (Hassan Naziri Khalid & Morshidi Sirat, 2003).

Kawasan kajian dipilih secara pensampelan bertujuan (purposive sampling), iaitu kaedah pensampelan dengan pertimbangan tertentu. Dalam Kabupaten Tangerang dipilih kawasan Bandar Baru BSD. Pemilihan ini berdasarkan pertimbangan pada dua hal. Pertama, *izin lokasi* bandar baru ini paling luas di Indonesia, iaitu mencapai 6000 hektar dengan pertumbuhan perumahan yang cepat iaitu telah dibina 14 106 rumah pada tahun 2002. Kedua, kawasan bandar baru ini terletak berhampiran dengan Bandaraya Jakarta (20 km dari Bandaraya Jakarta).


Pensampelan desa dipilih secara pensampelan bertujuan berdasarkan pertimbangan tertentu yakni pertama, pemilihan desa sampel berdasarkan jarak antara pusat desa (pejabat desa) terhadap Tempat Pusat Bandar Baru BSD (kawasan pusat perniagaan Bandar Baru BSD). Berdasarkan perhitungan jarak yang dilakukan melalui kendaraan didapati bahawa jarak desa terdekat dari Tempat Pusat Bandar Baru BSD ialah lebih kurang 3 km, sedangkan jarak desa terjauhnya ialah lebih kurang 9 km. Kedua, desa sampel yang dipilih boleh mewakili kawasan desa yang telah bertukar kepada kawasan Bandar Baru BSD zon timur mahupun zon barat. Ketiga, desa sampel di kawasan zon timur yang dipilih merupakan desa-desa yang sebahagian besar kawasannya sudah bertukar kepada Bandar Baru BSD dan ramai penduduknya yang telah berhijrah ekoran projek Bandar Baru BSD, sedangkan desa sampel di zon barat yang dipilih merupakan desa-desa yang sebahagian besar kawasannya sudah dikuasai pemaju Bandar Baru BSD tetapi kawasan yang dibina bandar baru masih sedikit. Berdasarkan ketentuan-ketentuan tersebut, maka desa sampel yang dipilih ialah Desa Lengkong Gudang, Rawabuntu dan Pagedangan yang masing-masing berjarak 3 km, 6 km dan 9 km dari Tempat Pusat Bandar Baru BSD. Desa Lengkong Gudang dan Rawabuntu mewakili desa-desa di zon timur, sedangkan Desa Pagedangan mewakili desa-desa di zon barat.

Dalam kajian ini yang menjadi populasi ialah ketua keluarga di Desa Lengkong Gudang, Rawabuntu dan Pagedangan. Pensampelan ketua keluarga juga menggunakan pensampelan bertujuan berdasarkan pertimbangan tertentu. Ketua keluarga yang dipilih adalah seseorang yang berasal dari kawasan kajian dan pada masa sebelum kehadiran Bandar Baru BSD atau sebelum berhijrah dari Bandar Baru BSD sudah berkeluarga. Pemilihan ketua keluarga yang seperti ini adalah untuk mendapat gambaran yang lengkap mengenai prestasi sosio-ekonomi mereka baik sebelum kehadiran Bandar Baru BSD atau sebelum berhijrah dari kampung asalnya mahupun selepas kehadiran Bandar Baru BSD atau selepas berhijrah dari kampung asalnya.

Data bilangan ketua keluarga penduduk asal yang masih tinggal mahupun yang berhijrah ekoran projek Bandar Baru BSD tidak tersedia di pejabat desa-desa sampel. Data yang tersedia hanya bilangan ketua keluarga keseluruhan termasuknya ketua keluarga penghuni Bandar Baru BSD. Oleh itu, pengkaji menggunakan data senarai pengundi pada pilihan raya 2004 untuk menentukan data penduduk asal kerana di dalam data senarai pengundi tersebut juga tersedia maklumat mengenai lokasi kelahiran para pengundi, sedangkan data bilangan ketua keluarga yang berhijrah didapati daripada maklumat kakitangan pejabat desa sampel kerana tidak tersedia data rasmi mengenai hal tersebut. Tidak mudah mencari alamat penduduk asal yang berhijrah kerana pengkaji baru boleh berjumpa dengan mereka selepas beberapa kali bertanya kepada penduduk tempatan. Pengkaji juga sering diberitahu oleh responden yang berjaya ditemui bual tentang alamat penduduk asal yang berhijrah lainnya, di mana data mereka ini kadang-kadang tidak terdapat dalam data yang diberikan oleh kaki tangan pejabat desa asal.

Responden yang diambil kira lebih kurang sebanyak 10 peratus dari populasi yang masih kekal di kawasan kajian atau sebanyak 256 ketua keluarga, sedangkan lebih kurang 50 peratus responden diambil kira daripada populasi yang berhijrah dari kampung asalnya atau sebanyak 61 ketua keluarga.

Data primer yang diperolehi ialah pendapatan, pengeluaran, simpanan, pelaburan, pemilikan harta benda, pemilikan tanah pertanian, jenis pekerjaan, pendidikan, kemudahan asas di rumah kediaman (utiliti), perumahan, lingkungan perumahan, kemudahan awam, kegiatan sosial, hubungan kejiranan, penyertaan berorganisasi menggunakan soalan-soalan terstruktur dan senarai semak yang seragam terdapat pada borang kaji selidik yang merujuk kepada kerja lapangan pada tahun 2004.



Rajah 1. Lokasi Bandar Baru BSD




Foto 1. Lokasi Bandar Baru BSD

## Hasil kajian dan perbincangan

*Corak perubahan prestasi sosio-ekonomi komuniti asal akibat pertukaran gunatanah pertanian kepada Bandar Baru BSD*

Menurut Jadual 1 dan Jadual 2 didapati bahawa sebanyak 27 aspek sosio-ekonomi daripada penduduk asal yang masih kekal di kampung asalnya telah disoalselidik dan sebanyak enam aspek yang meliputi prestasi pemilikan tanah, jenis pekerjaan, keselamatan kampung, kegiatan sosial, hubungan kejiranan dan kualiti udara telah merosot (22.2 peratus) dengan sembilan aspek yakni prestasi simpanan, pelaburan, tahap pendidikan, kemudahan pendidikan, kemudahan kesihatan, kemudahan perniagaan, pembuangan air limbahan rumah, persampahan dan kegiatan berorganisasi dalam keadaan tetap buruk (33.3 peratus). Sebanyak 12 aspek sosio-ekonomi yang meliputi prestasi pendapatan, perbelanjaan, pemilikan harta benda, kemudahan keselamatan, pemilikan kemudahan komunikasi, mutu jalan, perumahan, sumber air, sumber api, jenis tandas, kemudahan pengangkutan dan kemudahan komunikasi didapati meningkat (44.4 peratus).

Dapat dikatakan bahawa prestasi sosio-ekonomi yang merosot dan yang tetap buruk (55.6 peratus) adalah lebih besar berbanding dengan prestasi sosio-ekonomi yang meningkat dan yang tetap dalam keadaan baik (44.4 peratus). Oleh itu pertukaran gunatanah pertanian kepada pembangunan Bandar Baru BSD pada umumnya belum dapat meningkatkan kualiti dan taraf hidup penduduk asal yang masih kekal di kampung asalnya.

**Jadual 1. Perubahan aspek sosio-ekonomi responden yang masih kekal di kampung asalnya akibat pertukaran gunatanah pertanian kepada Bandar Baru BSD**

Aspek sosio-ekonomi	Keterangan	Kadar (%)		
		Pra SD	Pasca BSD	Perubahan
<u>Aspek yang meningkat :</u>				
A. Meningkat sederhana (perubahan 21-50%)				
(1) Pendapatan	Lebih dari Rp 500 ribu per bulan	14	57.5	43.5
(2) Perbelanjaan	Lebih dari Rp 500 ribu per bulan	12.4	55.1	42.7
(3) Pemilikan harta benda	Pemilikan TV, peti sejuk, motorsikal	16.4	98.4	38.1
(4) Kemudahan keselamatan	Tersedia	46.1	76.6	30.5
(5) Pemilikan kemudahan komunikasi	Tidak memiliki telefon	99.2	74.6	24.6
(6) Mutu jalan	Baik	16.8	42.6	25.8
B. Meningkat pesat (perubahan >50%)				
(1) Perumahan	Rumah batu bata	27	91	64
(2) Sumber air	Perigi pam	2.7	77.7	75
(3) Sumber api	Elektrik kerajaan	7.4	98.8	91.4
(4) Jenis tandas	Tandas dalam rumah	19.1	93.8	74.7
(5) Kemudahan pengangkutan	Tersedia	19.6	82	62.4
(6) Kemudahan komunikasi	Tersedia	15.62	74.6	59
<u>Aspek yang tetap negatif (perubahan &lt;20%) :</u>				
(1) Simpanan	Tidak memiliki	84.4	69.9	14.5
(2) Pelaburan	Tidak memiliki	77.7	85.9	8.2
(3) Tahap pendidikan	Lebih rendah dari SMA	83.2	83.2	0
(4) Kemudahan pendidikan	Di desa tempatan	75.1	75.1	0

Bersambung

Sambungan ...

(5) Kemudahan kesihatan	Puskesmas	68	83.5	15.5
(6) Kemudahan perniagaan	Kedai runcit	66.1	79.3	13.2
(7) Pembuangan air limbahan rumah	Limbah	51.6	48.4	3.2
(8) Persampahan	Dibakar	99.2	98	1.2
(9) Kegiatan berorganisasi	Tiada menyertai	89.5	89.5	0

<u>Aspek yang merosot :</u>				
A. Merosot sederhana (perubahan 21-50%)				
(1) Keselamatan kampung	Tidak selamat	77.3	100.0	22.7
(2) Kegiatan sosial	Semakin jarang	0	42.6	42.6
(3) Kualiti udara	Buruk	2.3	31.2	28.9
(4) Hubungan kejiranan	Saling tolong menolong	100.0	54.3	45.7
B. Merosot tinggi (perubahan lebih dari 50%)				
(1) Pemilikan tanah	Tidak memiliki	25.8	90.6	64.8
(2) Jenis pekerjaan	Bukan petani	21.1	82.8	61.7

Jadual 2. Prestasi sosio-ekonomi responden yang masih kekal di kampung asalnya akibat kehadiran Bandar Baru BSD (2004)

No	Aspek sosio-ekonomi	Prestasi			
		Merosot	Tetap buruk	Meningkat	Tetap baik
1	Pemilikan tanah	√	-	-	-
2	Pendapatan	-	-	√	-
3	Perbelanjaan	-	-	√	-
4	Simpanan	-	√	-	-
5	Pelaburan	-	√	-	-
6	Pemilikan harta benda	-	-	√	-
7	Jenis pekerjaan	√	-	-	-
8	Tahap pendidikan	-	√	-	-
9	Kemudahan pendidikan	-	√	-	-
10	Perumahan	-	-	√	-
11	Sumber air	-	-	√	-
12	Sumber api	-	-	√	-
13	Jenis tandas	-	-	√	-
14	Pemilikan telefon	-	-	√	-
15	Pembuangan air limbahan	-	√	-	-
16	Persampahan	-	√	-	-
17	Kemudahan pengangkutan	-	-	√	-
18	Mutu jalan	-	-	√	-
19	Kualiti udara	√	-	-	-
20	Kemudahan komunikasi	-	-	√	-
21	Kemudahan keselamatan	-	-	√	-
22	Keselamatan kampong	√	-	-	-
23	Kemudahan kesihatan	-	√	-	-
24	Kemudahan perniagaan	-	√	-	-
25	Hubungan kejiranan	√	-	-	-
26	Kegiatan sosial	√	-	-	-
27	Penyertaan berorganisasi	-	√	-	-

Mengikut Jadual 3 dan 4 didapati bahawa sebanyak 27 aspek-aspek sosio-ekonomi penduduk asal yang berhijrah dari kampung asalnya telah disoalselidik dan diketahui bahawa sebanyak 4 aspek-aspek sosio-ekonomi yakni prestasi kegiatan sosial, pemilikan tanah, jenis pekerjaan,

hubungan kejiranan telah merosot (14.8 peratus) dengan 12 prestasi sosio-ekonomi yakni simpanan, pelaburan, tahap pendidikan, kemudahan pendidikan, pemilikan kemudahan komunikasi, kemudahan kesihatan, keselamatan kampung, kemudahan perniagaan, mutu jalan, pembuangan air limbahan rumah, persampahan dan kegiatan berorganisasi dalam keadaan tetap buruk (44.4 peratus). Sedangkan sebanyak 9 aspek-aspek sosio-ekonomi yang meliputi pendapatan, perbelanjaan, pemilikan harta benda, perumahan, sumber air, sumber api, kemudahan keselamatan, kemudahan komunikasi dan jenis tandas didapati meningkat (33.3 peratus) dan dua aspek sosio-ekonomi dalam keadaan tetap baik (7.4 peratus), yakni prestasi kualiti udara dan kemudahan pengangkutan.

Dapat dikatakan bahawa prestasi sosio-ekonomi yang merosot dan yang tetap buruk (59.3 peratus) adalah lebih besar berbanding dengan prestasi sosio-ekonomi yang meningkat dan yang tetap dalam keadaan baik (40.7 peratus). Oleh itu perhijrahannya penduduk asal dari kampung asalnya akibat pertukaran gunatanah pertanian kepada projek Bandar Baru BSD pada umumnya belum dapat meningkatkan kualiti dan taraf hidup mereka.

**Jadual 3. Perubahan prestasi sosio-ekonomi responden yang berhijrah dari kampung asalnya akibat pertukaran gunatanah pertanian kepada Bandar Baru BSD**

Aspek sosio-ekonomi	Keterangan	Kadar (%)		
		Pra hijrah	Pasca hijrah	Perubahan
<u>Aspek yang meningkat :</u>				
A. Meningkat sederhana (21%-50%)				
1. Pendapatan	Lebih dari Rp 500 ribu per bulan	34.4	59.0	24.6
2. Perbelanjaan	Lebih dari Rp 500 ribu per bulan	29.5	59.0	29.5
3. Pemilikan harta benda	Pemilikan TV, peti sejuk, motorsikal	23.5	100.0	41.5
4. Perumahan	Rumah batu bata	55.7	93.4	37.7
5. Sumber air	Perigi pam	18.0	62.3	44.3
6. Sumber api	Elektrik kerajaan	67.2	100.0	32.8
7. Kemudahan keselamatan	Tersedia	49.1	73.8	24.7
8. Kemudahan komunikasi	Tersedia	18.0	59.0	41.0
B. Meningkat pesat (>50%)				
1. Jenis tandas	Tandas dalam rumah	24.6	98.4	73.8
<u>Aspek yang tetap positif (&lt;20%) :</u>				
1. Kualiti udara	Baik	95.1	91.8	3.3
2. Kemudahan pengangkutan	Tersedia	55.7	70.5	14.8
<u>Aspek yang tetap negatif (&lt;20%) :</u>				
1. Simpanan	Tidak memiliki	67.2	82.0	14.8
2. Pelaburan	Tidak memiliki	91.8	80.3	11.5
3. Tahap pendidikan	Lebih rendah dari SMA	81.9	81.9	0.0
4. Pemilikan kemudahan komunikasi	Tidak memiliki telefon	91.8	85.2	6.6
5. Kemudahan pendidikan	Di desa tempatan	58.8	58.8	0.0
6. Kemudahan kesihatan	Puskesmas	67.2	70.5	3.3
7. Keselamatan kampung	Tidak selamat	52.5	49.2	3.3
8. Kemudahan perniagaan	Kedai runcit	90.1	85.3	4.8
9. Mutu jalan	Kurang baik	88.5	86.9	1.6
10. Pembuangan air limbahan rumah	Limbah	65.6	65.6	0.0
11. Persampahan	Dibakar	96.7	100.0	3.3
12. Kegiatan berorganisasi	Tiada menyertai	100.0	100.0	0.0
				Bersambung

Sambungan ...

Aspek yang merosot :

A. Merosot sederhana (21%-50%)	Semakin jarang	0.0	23.0	23.0
1. Kegiatan sosial				
B. Merosot pesat (>50%)	Tidak memiliki	3.3	82.0	78.7
1. Pemilikan tanah	Bukan petani	3.3	82.0	78.7
2. Jenis pekerjaan	Kurang rapat	0.0	91.8	91.8
3. Hubungan kejiranan				

Jadual 4. Prestasi sosio-ekonomi penduduk asal yang berhijrah akibat kehadiran Bandar Baru BSD (2004)

No	Aspek sosio-ekonomi	Prestasi			
		Merosot	Tetap buruk	Meningkat	Tetap baik
1	Pemilikan tanah	√	-	-	-
2	Pendapatan	-	-	√	-
3	Perbelanjaan	-	-	√	-
4	Simpanan	-	√	-	-
5	Pelaburan	-	√	-	-
6	Pemilikan harta benda	-	-	√	-
7	Jenis pekerjaan	√	-	-	-
8	Tahap pendidikan	-	√	-	-
9	Kemudahan pendidikan	-	√	-	-
10	Perumahan	-	-	√	-
11	Sumber air	-	-	√	-
12	Sumber api	-	-	√	-
13	Jenis tandas	-	-	√	-
14	Pemilikan telefon	-	√	-	-
15	Pembuangan air limbahan	-	√	-	-
16	Persampahan	-	√	-	-
17	Kemudahan pengangkutan	-	-	-	√
18	Mutu jalan	-	√	-	-
19	Kualiti udara	-	-	-	√
20	Kemudahan komunikasi	-	-	√	-
21	Keselamatan kampung	-	√	-	-
22	Kemudahan keselamatan	-	-	√	-
23	Kemudahan kesihatan	-	√	-	-
24	Kemudahan perniagaan	-	√	-	-
25	Hubungan kejiranan	√	-	-	-
26	Kegiatan sosial	√	-	-	-
27	Penyertaan berorganisasi	-	√	-	-

Faktor utama yang menyebabkan pertukaran gunatahan pertanian kepada Bandar Baru BSD adalah polisi pertanahan kerajaan Orde Baru yang lebih mementingkan sektor industri berbanding dengan sektor pertanian. Selama masa Orde Baru sektor pertanian menjadi sektor yang terpinggir. Polisi pembangunannya bersifat menyebelahi kapitalistik yakni dengan jalan mengambil alih tanah-tanah rakyat dengan alasan untuk pembangunan. Hal ini menyebabkan pembangunan di Indonesia menghala kepada eksloitasi tanah dan sumber alam untuk pertumbuhan ekonomi di mana Bandar Baru BSD ini adalah merupakan salah satu daripada keinginan kerajaan untuk mengurangkan kepadatan penduduk Jakarta serta meningkatkan kegiatan ekonomi di kawasan Serpong dan sekitarnya.

Akibat projek pembangunan Bandar Baru BSD, penduduk asal yang sebahagian besar adalah petani telah kehilangan tanah yang merupakan „nadi kehidupannya“. Walaupun kehilangan tersebut telah diganti dengan kekayaan (wang), tetapi antara nilai tanah yang dijual dengan pampasan yang dibayar dan harta gantian yang dibeli oleh penduduk asal adalah tidak setimpal bahkan harga jual tanah daripada penduduk kepada pemaju Bandar Baru BSD adalah jauh lebih rendah berbanding dengan harga tanah yang dijual pemaju tersebut kepada pengguna yang

harganya hingga beratus-ratus kali ganda. Penduduk asal juga kurang bijaksana dalam mengurus wang pampasan sehingga ianya hanya digunakan untuk membeli barang-barang yang tidak produktif, hiburan dan bahkan mengamalkan poligami. Bagi mereka, wang telah gagal dijadikan modal. Ini boleh berlaku kerana mereka tidak pernah mendapat pendedahan tentang bagaimana mengurus wang pampasan sebagai sumber modal. Oleh itu keadaan ini menyebabkan mereka terhalang daripada membangunkan taraf sosioekonominya setahap lebih maju kerana pendidikan budaya kapitalis tidak diberi pengertian oleh pihak-pihak yang berwajib.

Selepas kehadiran Bandar Baru BSD, pendapatan kedua-dua kategori penduduk yang masih kekal dan yang berhijrah dari kampung asalnya mengalami peningkatan. Walaupun pendapatan meningkat tetapi peningkatan tersebut tidak fundamental dan bererti. Keadaan pendapatan mereka adalah lebih rendah berbanding dengan pendapatan perkapita Kabupaten Tangerang bahkan sebanyak 46.3 peratus penduduk asal tersebut masih hidup di bawah garis kemiskinan. Simpanan dan pelaburan mereka juga tidak meningkat kerana persilangan antara kegagalan meningkatkan pendapatan sebenar dan kos hidup yang semakin meningkat selepas kehadiran Bandar Baru BSD.

Selepas kehilangan tanah pertaniannya, transformasi jenis pekerjaan penduduk asal hanya terjadi di peringkat asas kerana sebahagian besar dari mereka hanya mampu bekerja di sektor tak formal sebagai peniaga kecil, buruh kasar, buruh binaan, dan sebagainya sedangkan yang bekerja sebagai kaki tangan kerajaan dan pegawai swasta dalam kadar yang kecil. Mereka yang boleh menyertai ruang ekonomi baru di Bandar Baru BSD hanya sedikit sahaja dan di peringkat asas seperti bekerja sebagai tukang ojek, pembantu rumah tangga dan tukang kebersihan jalan. Keadaan ini adalah sesuai dengan konsep bandar kapitalis di mana golongan pengeluar kecil selalu mengalami keadaan yang lebih buruk kerana pembandaran kapitalis tidak memihak kepada pengeluar kecil. Bandar Baru BSD hanya memberi ruang kepada peniaga besar dan pemodal yang berorientasi keluar dan tidak bersifat dalaman. Oleh itu penduduk asal terpinggir dari arus pembandaran ini. Tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah juga telah menyekat mereka untuk memasuki dunia kerjaya. Oleh itu mereka hanya mampu bekerja di sektor-sektor tidak formal yang tidak memerlukan tahap pendidikan dan kemahiran yang tinggi. Ekoran lojik dari fenomena ini ialah pendapatan yang mereka perolehi tidak boleh bagi mencukupi keluarganya.

Sebelum kehadiran Bandar Baru BSD, peluang daripada ekonomi pertanian sangat tersedia di kawasan kajian seperti kegiatan perniagaan daripada hasil pengeluaran kebun dan sawah mereka, usaha persewaan traktor serta pengupasan padi. Ekonomi pertanian tersebut walaupun nampak tradisional, tetapi sebenarnya mempunyai banyak peluang seperti bekerja secara sendirian dan juga pembangunan industri hiliran yang sesuai dengan penduduk asal berkenaan yang bergantung hidupnya daripada sektor pertanian. Hal ini yang mendasari mengapa penduduk asal yang telah berhijrah tetap memilih kampung asalnya sebagai kawasan yang paling baik untuk mencari wang. Tetapi sekarang ini, peluang tersebut tertutup oleh pembangunan Bandar Baru BSD.

Selepas kehadiran Bandar Baru BSD, kualiti rumah dan kemudahan asas daripada penduduk asal tersebut meningkat tetapi ianya tidak setara dengan kualiti perumahan dan kemudahan asas di Bandar Baru BSD. Peningkatan kualiti rumah dan kemudahan asas mereka ini masih di dalam kelas golongan marhaen sehingga tak tercapai dengan rumah batu, air paip dan tandas moden di Bandar Baru BSD. Mereka masih lagi terbendung di dalam ruang sosioekonomi mereka sebagai kelas bawahan. Rahmat dari kapitalisme tersebut tidaklah pada tahap yang setara yang dikecapi oleh golongan menengah yang tinggal di Bandar Baru BSD. Hal ini menunjukkan bahawa persoalan kelas tetap kekal kerana mereka tetap berada di luar lingkaran sistem kapitalis tersebut.

Kemudahan kesihatan dan komunikasi yang mereka kecapi juga masih di dalam kelas golongan marhaen. Sebahagian besar penduduk asal hanya mampu memanfaatkan puskesmas yang kosnya sangat murah daripada klinik swasta atau hospital bertaraf antara bangsa yang berlokasi di Bandar Baru BSD. Mereka juga masih tidak mampu memiliki telefon rumah, telefon bimbit apalagi mengenal teknologi informasi seperti komputer dan internet. Pelbagai barang dan perkhidmatan yang tersedia di Bandar Baru BSD juga tidak mampu diakses oleh sebahagian besar penduduk asal tersebut. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa mereka tidak boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan golongan menengah yang tinggal di bandar baru tersebut. Bagaimanapun, kemudahan pengangkutan dan kualiti jalan raya di kawasan kajian meningkat selepas kehadiran Bandar Baru BSD dan ini merupakan salah satu keuntungan yang dikecapi oleh penduduk asal tersebut.


Di dalam konteks pembangunan Bandar Baru BSD, pelbagai bentuk ancaman keselamatan kepada penduduk asal boleh wujud akibat kesan kehadiran bandar baru tersebut yang meliputi jenayah, penyakit dan bencana alam. Kehadiran ramai orang di Bandar Baru BSD dengan pelbagai kegiatan dan hiburan kemungkinan juga membawa gejala sosial baru yang sebelumnya tidak wujud di kawasan tersebut seperti berjudi, minum minuman keras, penagihan dadah dan penyebaran penyakit HIV/AIDS. Walaupun penduduk asal belum terjejas secara peribadi, tetapi ancaman keselamatan tersebut berada di sekitar mereka sehingga mereka kemungkinan mempunyai peluang untuk terkena bahaya tersebut. Keadaan ini apabila tidak dikawal boleh membahayakan kehidupan dan mengancam keselamatan penduduk asal berkenaan.

Pelbagai kegiatan sosial di kawasan kajian seperti gotong royong, meronda, *kerja bakti* dan sebagainya mengalami keruntuhan selepas kehadiran Bandar Baru BSD. Keruntuhan kegiatan sosial tersebut berlaku kerana kapitalisme di mana ianya merupakan sebuah sistem yang bertunjangkan penghasilan komoditi-komoditi. Kapitalisme selalunya mengubah status institusi sosial budaya daripada secara percuma kepada dikomoditikan. Oleh itu kehadiran bandar kapitalis BSD menyebabkan segala institusi sosial budaya yang dulu percuma sekarang telah bertukar bentuk. Pelbagai perkhidmatan seperti kegiatan membantu acara syukuran perkahwinan, mengubahsuai rumah, membersihkan lingkungan kampung dan sebagainya sebenarnya masih wujud di kawasan kajian tetapi ianya telah dikomoditikan. Oleh itu semangat gotong royong mengalami keruntuhan dan ini melonggarkan perpaduan antar sesama warga kampung.

Selepas kehadiran BSD, semangat solidariti sosial di kalangan penduduk asal telah merosot berbanding dengan sebelum kehadiran Bandar Baru BSD. Sementara hubungan sosial di kalangan penduduk asal di pinggiran Bandar Baru BSD mengalami kemerosotan akibat landaan kapitalisme, di kalangan golongan menengah di Bandar Baru BSD sendiri pembandaran telah semakin menghakis semangat kejiranan yang mereka bawa dari tempat asal mereka. Proses hakisan solidariti sosial telah berlaku secara menyeluruh bagi kedua-dua penduduk asal dan penduduk baru BSD. Oleh itu dapat dikatakan bahawa di kawasan kajian warisan nilai-nilai solidariti yang dahulunya merupakan tiang seri kehidupan bermasyarakat mengalami kemusnahan walaupun secara gradual tetapi pasti.

Kadar penyertaan penduduk asal dalam mana-mana organisasi sosial dan politik adalah rendah. Keadaan ini dapat juga dilihat sebagai mencerminkan hakikat bahawa kehidupan berorganisasi tersebut tidaklah begitu bermakna bagi mereka. Seandainya tidak wujud pembangunan Bandar Baru BSD, organisasi pekerjaan seperti persatuan pertanian atau peladang kemungkinan akan mendapat lebih banyak penyertaan daripada penduduk asal. Bagaimanapun, kehadiran Bandar Baru BSD telah menyebabkan organisasi yang dapat menggembung penyertaan berkesan daripada penduduk asal tersebut turut roboh. Hal ini kerana kawasan tersebut sudah ditunjuk sebagai bukan lagi kawasan pertanian. Identiti sosio-ekonomi penduduk asal sudah tidak jelas kerana mereka tidak lagi sebagai petani. Bagaimanapun, sekarang ini mereka hanya boleh disebut sebagai penduduk pinggiran bandar dengan jenis pekerjaan di luar pertanian. Keadaan ini menyebabkan mereka kehilangan jati diri pekerjaan (*occupational identity*) dan ini tidak mungkin boleh diganti oleh organisasi sosial maupun politik.

Mengikut tanggapan penduduk asal dan beberapa petunjuk kesejahteraan yang meliputi pendapatan, simpanan, pelaburan, utiliti, ketersampaian kepada pendidikan, kesihatan dan sebagainya, kehidupan sebahagian besar penduduk asal sebelum kehadiran Bandar Baru BSD adalah lebih buruk daripada sekarang. Bagaimanapun, dengan tidak menafikan bahawa apa yang dialami sekarang adalah lebih baik daripada yang dulu, harus dinyatakan bahawa peningkatan tersebut sebetulnya bukanlah merupakan peningkatan yang fundamental dan bererti. Peningkatan tersebut tidak sehingga mengeluarkan mereka dari kelas bawahan ke kelas menengah. Kelas menengah tetap dikuasai oleh pendatang baru yang tinggal di Bandar Baru BSD. Penduduk asal masih lagi kelas bawahan yang ciri-cirinya meliputi paras pendapatan yang rendah, ketersampaian yang terhad kepada kemudahan pendidikan, kesihatan, perniagaan, komunikasi, keselamatan dan politik.



Rajah 2. Lokasi hijrah komuniti asal Desa Lengkong Gudang dan Rawabuntu

*Kesesuaian Bandar Baru BSD sebagai model pembangunan daripada perspektif komuniti asal*  
Bandar Baru BSD dihadirkan dengan tujuan untuk mengurangkan kepadatan penduduk Bandaraya Jakarta dan sebagai pemangkin kegiatan ekonomi di kawasan Serpong dan sekitarnya. Bandar baru ini juga diharapkan boleh menjadi bandar berdikari sehingga pertumbuhan penduduk Bandaraya Jakarta yang pesat dapat dikurangkan melalui pembangunan bandar baru ini. Bagaimanapun, dalam perkembangannya Bandar Baru BSD telah gagal berperanan sebagai bandar berdikari kerana pekerjaan penghuni bandar baru masih bergantung kepada Bandaraya Jakarta. Kegagalan tersebut disebabkan oleh pendekatan pembangunan bandar baru yang lebih condong kepada pembangunan perumahan sebagai asas kegiatan daripada mengembangkan kegiatan ekonomi sebagai asas kegiatan. Kegagalan ini kemungkinan boleh dikurangkan seandainya ianya dirancang sebagai bandar perindustrian berdasarkan pertanian yang memanfaatkan penghuni asal kawasan. Dengan begitu implikasinya lebih positif kepada penduduk asal kerana mereka boleh meneruskan kerjaya sebagai petani malahan boleh mengembangkan dan memodenkan lagi pertanian sehingga mereka tidak kehilangan identiti pekerjaannya. Dan pada masa yang sama mereka mempunyai peluang untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka kerana ruang ekonomi mereka bertambah besar.

Selain kegagalan sebagai bandar berdikari, Bandar Baru BSD juga kurang sesuai sebagai model pertukaran gunatanah pertanian daripada perspektif penduduk asal kerana di dalam proses pembangunan bandar baru tersebut telah memberikan ketidak adilan kepada penghuni asal kawasan seperti : (a) Penduduk asal kehilangan pekerjaan dan pendapatan daripada sektor pertanian; (b) Wang pampasan yang diterima penduduk asal tidak munasabah kerana tidak boleh membeli tanah yang sepadan dari segi lokasi, kesuburan dan keluasan tanah mereka dahulu; (c) Transformasi pekerjaan penduduk asal hanya di peringkat asas dan berpendapatan rendah; (d) Penduduk asal tidak mampu menyertai ruang ekonomi baru di Bandar Baru BSD dan di kawasan hijrah; (e) Penduduk asal hanya mampu berhijrah ke pedalaman di mana ianya tidak membawa kesejahteraan bagi mereka.

Bandar Baru BSD dalam perkiraan kapitalis akan jauh lebih menguntungkan jika dibangunkan perumahan daripada perindustrian yang berasaskan pertanian. Hal ini kerana lokasi kawasan BSD

sangat strategik berhampiran dengan Bandaraya Jakarta sehingga dapat menampung keperluan perumahan golongan menengah yang berasal dari Jakarta. Lokasi penduduk asal yang berhampiran dengan Bandaraya Jakarta ini sepatutnya menguntungkan mereka, tetapi penduduk asal sebenarnya dirugikan dua kali ganda. Kerugian yang pertama ialah mereka kehilangan identiti ekonomi mahupun sosialnya, manakala kerugian yang kedua ialah mereka tidak dapat menyertai ruang ekonomi baru di bandar baru tersebut. BSD menjadi tempat memaparkan segala aspek suatu kehidupan baru dan kepentingaan yang tidak mungkin dicapai oleh penduduk tempatan.

Dapat diramalkan bahawa generasi kedua penduduk asal juga akan terputus langsung dengan pertanian dan bagi kebanyakan mereka yang tidak dapat menyertai ruang ekonomi di Bandar Baru BSD akan tetap mengelakkannya dan keterpinggiran mereka. Generasi kedua ini akan semakin terpinggir dari kawasan asalnya kerana akan kehilangan kawasan rumah yang mereka tinggali sekarang memandangkan ianya masih merupakan kawasan perluasan Bandar Baru BSD. Kebanyakan generasi kedua ini akan terkeluar dari kawasan asalnya, dan terpaksa berpindah ke kawasan yang lebih pedalaman dan marginal seperti di Kabupaten Bogor dan sekitarnya. Sebenarnya apa yang sedang berlaku sekarang ini adalah proses pemusnahan identiti lokal khususnya identiti ekonomi dan sosialnya. Dengan kata lain, perluasan Bandar Baru BSD bererti terhapusnya komuniti penduduk asal.

Matlamat atas pembangunan yang dinyatakan sebagai membudayakan manusia sebagai insan yang merdeka dalam upaya mencapai taraf kehidupan yang lebih baik dan berkeadilan nampaknya tidak dapat dinikmati oleh penduduk asal. Bahkan pelbagai ketidak adilan telah menimpa mereka. Ketentuan yang terdapat dalam Undang Undang Nombor 24 Tahun 1992 (Undang-Undang Tata Ruang) yang menyatakan bahawa setiap kegiatan yang merubah landskap kawasan seharusnya boleh memberikan kemanfaatan bagi seluruh masyarakat belum diamalkan sepenuhnya dalam konteks pembangunan Bandar Baru BSD, dan ini ternyata dari pemunggiran ruang lingkup penduduk asalnya. Secara yang adil sepatutnya adalah membuat bandar baru yang tidak meminggirkan dan tidak merugikan penduduk asal dan tentunya ini harus mempunyai agenda ekonominya sendiri seperti merancang bandar perindustrian yang berdasarkan pertanian.



Foto 2. Kawasan perumahan Bandar Baru BSD



Foto 3. Tanah komuniti asal yang sudah dikuasai pemaju BSD



Foto 4. Contoh rumah Bandar Baru BSD dan rumah komuniti asal



Foto 5. Contoh jenis tandas komuniti asal



Foto 6. Selepas menjual tanah pertanian kepada BSD, komuniti asal bermiaga kecil-kecilan di depan rumah mereka



Foto 7. Selepas menjual tanah pertanian kepada BSD, komuniti asal bekerja sebagai tukang 'ojek' (taxi motor)

#### Implikasi dasar

Pembangunan Bandar Baru BSD adalah suatu proses pembangunan yang tidak dapat dielakkan dalam era globalisasi. Bagaimanapun, model pembangunan Bandar Baru BSD yang sekarang ini adalah model pembangunan yang kurang adil kerana mewujudkan peminggiran penduduk asal. Untuk itu beberapa polisi perlu dilaksanakan baik di peringkat negara, di peringkat Bandar Baru sekarang dan masa depan.

Hasil kajian ini boleh membantu meminda dan membuat modifikasi kepada dasar mengenai pertukaran gunatanah yang ada termasuk falsafah pembangunan dan dasar pembandaran yang diamalkan kerajaan Indoensia. Mungkin boleh dikaji semula dasar pembandaran yang diamalkan kerajaan Indonesia supaya mesra penduduk asal. Dasar pertukaran gunatanah pertanian harus menegakkan keadilan dan untuk itu dasar pertukaran tersebut harus membasmikan kecenderungan meminggirkan penduduk asal.

Selepas kehilangan tanah-tanah pertanian, sebahagian besar penghuni asal kawasan yang dipinggirkan oleh BSD mengatakan bahawa yang menjadi kegetiran hidup mereka sebenarnya adalah ketiadaan modal bagi memulakan perniagaan. Oleh itu bagi menyelamatkan keadaan tersebut, beberapa langkah mitigasi boleh dilaksanakan misalnya pemberian dana pemerkasaan penduduk asal dari kerajaan melalui pemberian modal tidak berfaedah atau modal pusingan pada faedah rendah. Skim latihan kemahiran keusahawanan juga perlu disediakan oleh agensi-agensi kerajaan tempatan supaya mereka boleh mencari bidang-bidang baru secara formal.

Perluasan kawasan Bandar Baru BSD masih berlaku sampai dengan sekarang dan masa-masa yang akan datang kerana masih ada 3000 hektar kawasan belum dibebaskan oleh pemaju bandar baru tersebut. Oleh itu dalam menangani penduduk asal yang belum dipinggirkan ini kerajaan harus bersifat mesra penduduk tempatan, dalam erti kata penduduk tersebut tidak dihilangkan sama ada identiti ekonomi maupun sosialnya. Proses pembangunan Bandar Baru BSD memang tidak dapat dihentikan, tetapi yang berlaku sekarang ini mereka dibiarkan begitu sahaja tanpa mendapat sebarang perhatian. Tanggung jawab pemaju BSD dan kerajaan berhenti setakat pemberian wang pampasan. Oleh itu perlu dilaksanakan pendekatan yang tidak bersifat meminggirkan penduduk asal. Beberapa pendekatan harus dilaksanakan kerajaan seperti (1) perubahan yang harus berlaku dalam tata cara pengambilan tanah pertanian di kawasan perluasan Bandar Baru BSD di mana dalam hal ini Kerajaan Indonesia boleh mencontohi negara membangun yang telahpun melaksanakan pertukaran gunatanah pertanian dan pembangunan bandar baru yang mesra penduduk asal (2) memperkasakan penduduk asal supaya mereka boleh menjadi penghuni ruang baru dalam erti kata yang sebenarnya dari aspek ekonomi maupun sosialnya sehingga mereka dapat menyertai bidang-bidang pekerjaan baru. Agensi-agensi kerajaan berkenaan boleh memperkasakan penduduk asal menerusi misalnya, pemberian bimbingan perniagaan, skim latihan kemahiran keusahawanan dan sebagainya.

Kajian ini menunjukkan bahawa banyak langkah boleh diambil Kerajaan Indonesia untuk memastikan agar pertukaran gunatanah pertanian melalui pembangunan bandar baru dapat memanfaatkan penduduk asal. Bagaimanapun, semua itu bergantung kepada kesanggupan politik Kerajaan Indonesia sendiri.

### Kesimpulan

Faktor utama yang menyebabkan pertukaran gunatanah pertanian kepada Bandar Baru BSD adalah polisi pertanahan kerajaan Orde Baru yang menyebelahi kapitalis di mana ianya lebih mementingkan sektor swasta dan industri berbanding dengan sektor pertanian. Oleh itu tanah-tanah milik penduduk asal diambil alih penguasa dengan alasan untuk pembangunan. Keadaan ini menyebabkan mereka terkeluar daripada sektor pertanian yang selama ini menjadi sektor asas bagi kehidupan mereka sehingga pelbagai ketidakadilan menimpa mereka seperti kehilangan tanah yang tidak dapat digantikan dengan barangang atau tanah di tempat lain, wang pampasan yang dirasakan tidak munasabah, ketidaksiapan menghadapi transformasi pekerjaan, risiko terkena gejala sosial baru yang dahulu tidak wujud, kehilangan identiti pekerjaan, dikomoditikan nilai-nilai sosialnya dan sebagainya. Penduduk asal juga masih lagi tidak mampu mengecapi pelbagai kemudahan, perkhidmatan dan kemewahan yang disediakan oleh bandar baru tersebut. Faedah terbesar daripada pembangunan bandar kapitalis ini diraih oleh golongan pemodal dan golongan kelas menengah yang menghuni bandar baru tersebut. Ianya kurang memanfaatkan penghuni asal kawasan sehingga mereka hanya menjadi pemerhati sahaja kepada segala kemajuan dan kemewahan Bandar Baru BSD yang berlaku di luar pagar mereka.

Bandar Baru BSD telah gagal memainkan peranan sebagai bandar berdikari dan sebagai model pertukaran gunatanah pertanian daripada perspektif penduduk asal kerana kurang memanfaatkan penghuni asal kawasan bahkan memberikan pelbagai ketidakadilan kepada mereka seperti kehilangan pekerjaan dan pendapatan daripada sektor pertanian, wang pampasan yang tidak munasabah kerana tidak boleh membeli tanah yang sepadan dari segi lokasi, kesuburan dan keluasan tanah mereka dahulu, transformasi pekerjaan hanya di peringkat atas dan berpendapatan rendah, penduduk asal tidak mampu menyertai ruang ekonomi baru di Bandar Baru BSD maupun di kawasan hijrah dan mereka hanya mampu berhijrah ke pedalaman di mana ianya tidak dapat meningkatkan kesejahteraan mereka. Oleh itu pembangunan Bandar Baru BSD kurang sesuai sebagai model pembangunan di Indonesia kerana kurang mesra penduduk asal.

## Rujukan

- Abdullah Mohd Said (2003) Prosedur dan pelaksanaan penilaian dampak sosial. In: Mohd Razali Agus & Yahaya Ibrahim (eds) *Penilaian dampak sosial*, pp. 48-61. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Anwar A, Pakpahan A (1990) The problem of sawah land conversion to non-agricultural uses in Indonesia. *Indonesian J. of Trop. Agric.* 1(2), 101-108.
- Bappeda Kabupaten Tangerang (2000) *Laporan akhir rencana umum tata ruang Kabupaten Tangerang*. Bappeda Kabupaten Tangerang, Tangerang.
- Buringh P, Dusal R (1987) Agricultural land use in space and in time. In: Wolman MG, Fournier FGA (eds) *Land transformation in agricultural*, pp. 9-43. John Wiley and Sons Ltd, Chichester.
- Diamar S (1996) Aspek kelembagaan dalam pengelolaan pembangunan permukiman skala besar. *Prosiding seminar nasional kemitraan dan sinkronisasi investasi dalam pembangunan berwawasan lingkungan*, pp. 133-145.
- Firman T (1996) Pola spasial dan restrukturisasi perkotaan di Jawa. *Kompas*, 31 Mei.
- Firman T (1998) Migrasi di dan dari DKI Jakarta. *Kompas*, 4 Februari.
- Hassan Naziri Khalid, Morshidi Sirat (2003) Penilaian dampak sosial projek peningkatan taraf jalan raya di Malaysia: falsafah, teori dan amalan. In: Mohd Razali Agus, Yahaya Ibrahim (eds) *Penilaian dampak sosial*, pp. 271-277. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Hayami Y, Kikuchi M (1981) *Asian village economy at the Crossroad*. University of Tokyo, Tokyo.
- Kustiwan I (1997) Permasalahan konversi lahan pertanian dan implikasinya terhadap penataan ruang wilayah, studi kasus: Wilayah Pantura Jawa Barat. *Jurnal Perenc. Wil dan Kota* 8 (1), 49-60.
- Moha Asri Abdullah, Hassan Naziri Khalid, Md Isa Hj. Bakar, Usman Hj. Yaakob (2003) Pembangunan Langkawi dan dampak sosioekonomi ke atas komuniti setempat. In: Mohd Razali Agus, Yahaya Ibrahim (eds) *Penilaian dampak sosial*, pp. 231-247. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Pacione M (1990) *Urban problems, an applied urban analysis*. Routledge, London.
- PT BSD (1985) *Laporan pra studi kota baru BSD*. PT BSD, Tangerang.
- Rustiadi E (2003) Suburbanization process, land use cover change and environmental changes in Jabotabek region [article on the internet] [Cited 13 August 2003]. Available from: [http://www.ihdp.unibonn.de/ihdw02/summaries/word/s\\_rustiadi.doc](http://www.ihdp.unibonn.de/ihdw02/summaries/word/s_rustiadi.doc).
- Tjahjati B (1995) Masalah penyediaan tanah dalam hubungan dengan pengembangan kota. *J. Perenc. Wil. dan Kota* 6 (8), 14-17.
- Todaro MP (1985) *Economic development in the Third World*. Longman, New York.

# perubahan sosek krn konversi tnh pertanian di BSD

ORIGINALITY REPORT

17 %

SIMILARITY INDEX

14%

INTERNET SOURCES

0%

PUBLICATIONS

9%

STUDENT PAPERS

MATCH ALL SOURCES (ONLY SELECTED SOURCE PRINTED)

5%

★ Submitted to Universiti Kebangsaan Malaysia

Student Paper

Exclude quotes

On

Exclude matches

Off

Exclude bibliography

On